

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

4,670 petugas kesihatan ATM diberi keutamaan

10,530 dos vaksin diterima bagi peringkat pertama

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seramai 4,670 petugas kesihatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan diberi keutamaan menerima suntikan vaksin COVID-19 apabila sejumlah 10,530 dos vaksin diterima pasukan keselamatan itu bagi peringkat pertama, bermula semalam.

Ini bagi membolehkan mereka melaksanakan suntikan vaksin Pfizer-BioNTech COVID-19 secara berperingkat kepada lebih 130,000 warga ATM termasuk kakitangan awam Kementerian Pertahanan dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, bermula esok.

Pemangku Pengerusi Jawatankuasa Strategik Vaksin COVID-19/Inspektor Jeneral Bahagian Perkhidmatan Kesihatan ATM, Datuk Dr Rosman Ab Rahman, berkata keutamaan suntikan juga akan diberikan kepada anggota ATM yang bertugas di Zon Merah, dalam kawasan penularan COVID-19, anggota

barisan hadapan termasuk Operasi Benteng (Op Benteng), kawalan sempadan negara serta sekatan jalan raya.


"Pada penghantaran fasa satu Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, ATM akan menerima keseluruhan 84,240 dos vaksin berkenaan yang akan diberikan kepada 42,120 anggota ATM dengan setiap anggota menerima dua dos suntikan.

"Daripada jumlah itu, lebih 4,000 petugas kesihatan ATM di seluruh negara diberi keutamaan untuk mendapat suntikan.

"Keseluruhan 84,240 dos akan diterima secara berperingkat dalam fasa satu melalui lima Pusat Simpanan Vaksin (PSV) ATM merangkumi 54 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) ATM di seluruh negara," katanya semalam.

Beliau sebelum itu bersama Pengarah Farmasi Bahagian Perkhidmatan Kesihatan ATM, Datuk Dr A Halim Basari menerima penghantaran peringkat pertama sebanyak 4,680 dos untuk ATM di 93 Depot Perubatan dan Pergigian ATM (93 DPP AT), Hospital Angkatan Tentera (HAT) Tuanku Mizan di sini.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan DHL, Julian Neo; serta tiga wakil syarikat Pfizer, Country Manager (Malaysia/Brunei), Luksanawan Thangpaibool; Director Emerging Market Policy



Anggota perkhidmatan kesihatan ATM memasukkan vaksin ke dalam peti sejuk beku khas di 93 Depot Perubatan dan Pergigian ATM, Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

and Public Affairs (Malaysia/Brunei/Pakistan), Shamie Zainal dan Pfizer Global Supply Chain Cluster Lead (Singapura/Malaysia/Indonesia), Joyce Hoong.

Dr Rosman berkata, ATM juga akan membantu Kementerian Kesihatan (KKM) untuk memberi suntikan vaksin kepada anggota pasukan barisan hadapan lain yang bertugas di Op Benteng termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pasukan Gerakan Am (PGA) PDRM.

Katanya, program pemberian vaksin untuk keseluruhan warga ATM dijangka selesai dalam Fasa Dua Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan pada September ini.

Difahamkan, 84,240 dos vaksin yang diperuntukkan untuk ATM pada fasa satu Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan itu hanyalah 32 peratus daripada jumlah keseluruhan vaksin yang diperlukan ATM.

Sementara itu, Dr A Halim da-

lam ucapan, memaklumkan menerusi enam penghantaran pertama untuk tempoh dua bulan ini, sejumlah 10,530 dos bakal diterima untuk semua PSV ATM yang akan diberikan kepada 5,265 penerima kategori kumpulan utama 1 iaitu petugas kesihatan barisan hadapan termasuk kakitangan awam.

"Terdapat lima lagi penghantaran yang bakal diterima secara berperingkat hingga penghujung Mac ini yang mencakupi baki 73,710 dos bersamaan dengan 36,855 penerima kategori kumpulan utama 2 iaitu petugas barisan hadapan merangkumi perkhidmatan penting dan pertahanan.

"Kesimpulannya, jumlah keseluruhan dos yang bakal diterima oleh ATM untuk fasa satu adalah sebanyak 84,240 dos bersamaan dengan 42,120 penerima kategori kumpulan utama 1 dan kumpulan utama 2," katanya.

Semalam, pasukan 93 Depot

93 DPP AT menerima 4,680 dos untuk 2,340 penerima yang akan diagihkan dan diberikan kepada petugas kesihatan ATM.

"Seterusnya, 94 HAT Terendak dan 96 HAT Lumut akan menerima penghantaran berikutnya, masing-masing berjumlah 2,340 dos.

"HAT Wilayah Kota Kinabalu ((WKK) akan menerima sebanyak 1,170 dos pada 25 Februari manakala 801 Rumah Sakit Angkatan Tentera (RSAT) Kuching pula akan menerima sejumlah 7,020 dos pada 8 Mac.

"Penghantaran kedua hingga keenam adalah pada setiap Isnin setiap minggu seterusnya bermula 1 Mac hingga 29 Mac depan sebelum kita memasuki Fasa 2 penghantaran," katanya.

Pengagihan vaksin daripada lima PSV ATM kepada 54 PPV ATM akan menggunakan aset ATM seperti pesawat logistik TUDM, helikopter dan kenderaan darat sedia ada.